

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN MESYUARAT PENGURUSAN
FAKULTI PERUBATAN & SAINS KESIHATAN**

GARIS PANDUAN MAJLIS SYARAHAN INAUGURAL PERINGKAT
FAKULTI PERUBATAN & SAINS KESIHATAN

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tentang tatacara Pengurusan Majlis Syarahan Inaugural Universiti Putra Malaysia dan kaedah pengurusan di peringkat Fakulti

2. LATAR BELAKANG

Majlis Syarahan Inaugural merupakan majlis yang dilaksanakan khas untuk pegawai akademik yang telah dilantik ke jawatan Profesor. Majlis ini memberi peluang kepada mereka untuk menyampaikan syarahan berkaitan hasil kerja dan kajian yang telah dibuat kepada tetamu jemputan yang terdiri daripada warga universiti (khususnya jemputan fakulti) dan orang-orang luar yang berkaitan.

3. TANGGUNGJAWAB

Peranan Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi (CoSComm)

- Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi (CoSComm) akan menentukan giliran/ tarikh Syarahan Inaugural berdasarkan:
 - i) Tarikh pencen Pegawai Akademik (Professor).
 - ii) Permohonan untuk melaksanakan Syarahan Inaugural.
- Membantu pengurusan majlis syarahan yang dikendalikan oleh fakulti
- Mengendalikan pengurusan rekod syarahan inaugural
- Mengurus jemputan media (jika perlu)

Peranan Fakulti

Jawatankuasa Induk Inaugural FPSK

Keanggotaan:

Pengerusi : Timbalan Dekan (Akademik Perubatan)

Ahli :

- i) Dekan
- ii) Prof. Dr. Fauziah Othman
- iii) Prof. Dr. Zailina Hashim
- iv) Prof. Dr. Seow Heng Fong

Urusetia : Pejabat Timbalan Dekan (Akademik Perubatan) - Pn. Zaireen Zakaria

Bidang tugas :

- 2 bulan sebelum Syarahan Inaugural
- Meneliti, menimbang dan menyokong permohonan untuk mengadakan Syarahan Inaugural
- Memastikan Syarahan Inaugural yang akan diadakan selari dengan bidang kepakaran
- Membuat semakan kandungan buku Syarahan Inaugural

Jawatankuasa Pelaksana Inaugural FPSK

Keanggotaan:

Pengerusi : Ketua Jabatan yang berkaitan

Ahli : Ahli Jabatan yang berkaitan

Bidang tugas :

- Menguruskan majlis syarahan (jemputan, jamuan, persediaan tempat, juruacara, pembaca doa, audio visual, pameran (jika ada), publisiti, rakaman dan lain-lain)

4. SYOR

Mesyurat Pengurusan Fakulti dimohon untuk mengambil maklum mengenai Garis Panduan Majlis Syarahan Inaugural Peringkat Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan.